

31 MAR 2000

Umno-pencalonan

DR MAHATHIR DAN ABDULLAH TERUS DAPAT SOKONGAN PADU

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Sepuluh daripada 11 Umno bahagian yang mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing hari ini memberi sokongan padu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan presiden dan timbalan presiden Umno pada pemilihan parti Mei ini.

Kedua-dua pemimpin tertinggi parti itu menerima pencalonan daripada bahagian Kota Bharu, Dungun, Kubang Kerian, Kulim-Bandar Baharu, Kinabalu, Keningau, Tumpat, Pengkalan Chepa, Machang dan Kepong.

Hanya Umno bahagian Gua Musang yang tidak membuat pencalonan bagi kedua-dua jawatan tertinggi Umno itu serta naib presiden dan majlis tertinggi. Sebaliknya bahagian itu menyerahkan kepada Jawatankuasa Umno bahagian untuk menentukan calon-calon berkenaan.

Dengan mesyuarat hari ini jumlah pencalonan yang diterima Dr Mahathir dan Abdullah masing-masing 149 dan 148.

Bagi jawatan naib presiden, penyandang Datuk Seri Najib Razak kini mendapat 137 pencalonan, Datuk Abdul Ghani Othman (74), Datuk Abu Hassan Omar (50), Datuk Osu Sukam (36), Datuk Seri Syed Hamid Albar (32), Tan Sri Muhyiddin Yassin (31), penyandang Tan Sri Muhammad Muhammad Taib (26), Tan Sri Mohd Isa Samad (25), Datuk Dr Rais Yatim (21) dan Tengku Razaleigh Hamzah (13).

Pemilihan bagi calon-calon jawatan itu dibuat menerusi undi sulit dan cadangan nama mereka itu datangnya daripada anggota perwakilan, bukan jawatankuasa bahagian berkenaan.

Selain tiga calon itu, nama-nama lain yang dicadangkan ialah Datuk Abdul Ghani Othman, Datuk Osu Sukam, Datuk Abu Hassan Omar, Tan Sri Mohd Isa Samad, Datuk Syed Hamid Albar, Datuk Dr Rais Yatim dan Datuk Tajol Rosli Ghazali.

Dr Mahathir berkata beliau tidak terlibat langsung dalam keputusan bahagian itu kerana cadangan pemilihan dibuat oleh perwakilan sendiri.

"Saya beri kertas undi saya, saya tidak tengok orang lain punya undi. Dalam hal ini saya berkecuali... saya tidak beri arahan atau apa-apa sebab itu mungkin dianggap arahan," katanya.

Apabila ditanya sama ada mereka yang dicalonkan bagi jawatan itu harus merasakan mereka adalah pilihan beliau, Dr Mahathir berkata perwakilan ke perhimpunan agung parti bebas untuk membuat pilihan masing-masing.

Berhubung laporan sebuah akhbar Singapura, Straits Times yang mengkritik Malaysia sebagai satu-satunya negara di Asia yang tidak mengalami perubahan kepimpinan pada dekad lalu, Dr Mahathir berkata:

"Mereka bebas untuk membuat ulasan mengenai negara-negara lain."

Apabila ditanya sama ada wajar bagi kerajaan Malaysia mengetengahkan perkara itu, Perdana Menteri berkata: "Kami tidak memberi perhatian kepada perkara seumpama itu.

-- BERNAMA

ARA NMO